

**21/09/2012 - Perasmian Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan Kali Ke-25 Persatuan
Pegawai Kanan Kastam Malaysia**

Y.Bhg Dato Khazali Hj. Ahmad
Ketua Pengarah Kastam Malaysia,

Y.Bhg Dato' Matrang Hj. Suhaili
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan),

Y.Bhg Dato' Hj. Shahrudin Ibrahim
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman /Cukai Dalam Negeri),

Y.Bhg Dato' Amir Abd. Hamid
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan),

Yang Berusaha Encik Mohd Noor Yusoff
Presiden Persatuan Pegawai Kanan Kastam Malaysia,

Pengarah – Pengarah Kastam Ibu Pejabat dan Negeri,
Ahli–ahli Perwakilan, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

اسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Pendahuluan

- Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua maka dapat kita bersama pada malam ini di dalam Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan Kali Ke – 25 Persatuan Pegawai Kanan Kastam Malaysia.
- Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah, dan terima kasih kepada pihak Persatuan di atas kesudian menjemput saya ke majlis yang bersejarah ini kerana selepas majlis ini, tuan–tuan, puan–puan, dan para perwakilan akan menentukan barisan saf kepimpinan Persatuan ini.
- Saya juga dimaklumkan bahawa ini merupakan kali pertama dalam sejarah KSN hadir dalam majlis anjuran Persatuan Pegawai Kanan Kastam Malaysia, dan saya percaya ini perlu diteruskan.

Kesepakatan Di Antara Jabatan & Persatuan Pegawai Kastam

Y.Bhg Dato'-dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan para perwakilan sekalian,

- Seperti yang kita sedia maklum, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, dan Persatuan Pegawai Kanan Kastam Malaysia mempunyai visi dan misi masing-masing. Setiap kepimpinan tentu mempunyai gaya dan style masing-masing dalam memastikan setiap yang dirancang terhasil

dengan jaya dan cemerlang. Walau bagaimanapun, kedua-dua organisasi ini yang berada di bawah satu bumbung perlu mempunyai synergy, bergerak dalam satu saf yang sama dalam memastikan matlamat dan hala tuju utama berjaya dicapai iaitu menjadikan perkhidmatan kastam Malaysia bertaraf dunia pada tahun 2015 .

Dasar Transformasi Negara

- Bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, ia memerlukan komitmen daripada semua penjawat awam. Komitmen di pihak Kerajaan pula ialah dengan memperkenalkan Dasar Transformasi Negara iaitu Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Luar Bandar (RTP), Program Transformasi Politik (PTP), dan Program Transformasi Digital (DTP).
- Rakyat menginginkan sebuah Kerajaan yang efektif, kreatif, berinovasi dan berintegriti. Sebagai penjawat awam, kita harus sedar bahawa rakyat pada hari ini mempunyai tahap pemikiran yang kritis, dan tajam untuk menilai prestasi Kerajaan, terutamanya terhadap kita sebagai penjawat awam. Tuntutan utama mereka ialah perubahan yang ketara dalam urus tadbir negara, termasuklah proses yang lebih efektif dan cepat dalam pelaksanaan dasar-dasar yang jelas meletakkan kesenangan dan kebajikan rakyat sebagai keutamaan.
- Bertolak daripada kesedaran mengenai kehendak rakyat itulah, Kerajaan telah menumpukan sepenuhnya terhadap proses perubahan atau “transformasi” dalam dua bidang utama yang telah saya sebut sebelum ini iaitu ETP dan GTP. GTP Roadmap 2.0 bagi tempoh 2013-2015 telah dilancarkan selepas kejayaan memberangsangkan GTP dalam tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).
- Untuk menjayakan Dasar Transformasi Negara, maka seluruh jentera pelaksana program tersebut terutamanya penjawat awam mestilah transform terlebih dahulu daripada aspek dalaman dan luaran. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kastam Malaysia terhadap usaha-usaha bagi merealisasikan Program Transformasi Kastam yang telah diterima baik oleh Kerajaan termasuk juga Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH).
- Kerajaan juga sentiasa mencari idea-idea yang ada kelainan. Salah satu kejayaan penjawat awam, yang menepati enam prinsip baru perkhidmatan awam dalam menjayakan agenda transformasi negara iaitu CTI (Cepat, Tepat dan Integriti), dan PCI (Produktiviti, Creativity dan Inovasi) ialah penubuhan Urban Transformation Center/ Pusat Transformasi Bandar (UTC) bermula di Melaka, di mana ianya disiapkan dalam tempoh enam minggu sahaja. Selain dari itu, UTC Kuala Lumpur akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri besok, dan juga berjaya disiapkan dalam tempoh 6 minggu sahaja.
- Warga Kastam mestilah menyedari bahawa kita bergerak dalam kerangka dimana sumber yang tersedia adalah terhad tetapi produktiviti harus dipertingkatkan. Kejayaan prinsip-prinsip perkhidmatan Kastam ini adalah bergantung kepada kreativiti dan inovasi petugas Kastam dalam menerokai pendekatan baru untuk melaksanakan sesuatu dasar dengan kos rendah, tetapi pada masa sama memberikan impak tinggi dan pantas dilaksanakan seperti Blue Ocean Strategy.

Sasaran Hasil Cukai

Y.Bhg Dato' -dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan para perwakilan sekalian,

- Adalah menjadi hasrat kerajaan agar Jabatan Kastam Diraja Malaysia dapat mengutip cukai tidak langsung sebagaimana disasarkan iaitu RM33 billion pada tahun ini. Kutipan hasil Kastam akan dapat membantu kerajaan mengurangkan deficit kewangan negara . Saya percaya Jabatan dibawah kepimpinan baru akan dapat meneruskan kecemerlangan yang dinikmati pada tahun lepas dimana angka 30 billion dicapai . Usaha- usaha dan tindakan dari seluruh warga Kastam selama ini adalah amat dihargai oleh kerajaan dan kerajaan berterima kasih kepada seluruh warga Jabatan Kastam.

Integriti

- Dalam pada itu, masih terdapat ketirisan hasil disana sini yang mungkin disebabkan oleh kelemahan sistem, sikap dan cara bertugas, amalan rasuah, integrity serta jatidiri warga Jabatan Kastam. Saya ingin menyeru kepada pihak pengurusan Jabatan Kastam dan juga pihak Persatuan untuk sama-sama membanteras usaha-usaha dan tindakan-tindakan yang membantu berlakunya ketirisan hasil selama ini. Kesedaran dan sikap bertanggungjawab ahli-ahli Persatuan yang dibantu oleh ketegasan tindakan barisan kepimpinan Jabatan, dapat mengelakkan ketirisan ini.

- Gejala rasuah pula memusnahkan niat murni kerajaan membantu rakyat dan menggagalkan pelaksanaan dasar yang telah dirancang rapi. Justeru, demi rakyat dan masa depan negara, kita tidak boleh kompromi dalam membasmi rasuah. Ini menjadi kewajiban setiap dari kita yang berada di dalam perkhidmatan awam, dan inilah sebenarnya jua kehendak rakyat.

Collective Ownership & Merakyatkan Perkhidmatan Awam

- Kerajaan kini gigih membentuk Perkhidmatan Awam yang berprestasi tinggi dan berinovasi, mewujudkan Perkhidmatan Awam yang mapan, moden dan berkualiti. Untuk mencapai ke arah ini, platform unik untuk perkongsian pengalaman dan idea dan peluang untuk berdialog secara konstruktif adalah diperlukan demi mewujudkan senario pemilikan secara bersama (collective ownership) terhadap apa-apa dasar atau pelan tindakan yang hendak dilaksanakan.

- Menerusi collective ownership, kejayaan pelaksanaan dasar adalah terjamin. Selain dari itu, penjawat awam juga adalah rakyat, maka apa yang kita buat, itulah yang akan kita dapat. Apabila kita sentiasa berusaha memperbaiki dan meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, manfaat yang sama turut dirasai oleh kita juga. Inilah yang saya namakan 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam'.

- Kehadiran Ketua Pengarah Kastam Malaysia dan barisan kepimpinan tertinggi Jabatan Kastam pada malam ini, menggambarkan 'collective ownership' yang mana barisan pengurusan tertinggi Kastam bersedia mendengar pendapat, dan bertukar-tukar pandangan

secara konstruktif dengan pihak Persatuan dalam memastikan dasar-dasar yang akan dilaksanakan dimiliki bersama.

Penutup

- Bagi pihak penjawat awam, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada barisan kepimpinan Jabatan Kastam ke atas kehadiran mereka yang mencerminkan “walk the talk”, dimana ia menunjukkan bahawa engagement diantara pihak pengurusan Jabatan Kastam dan Persatuan seperti ini amat penting dalam proses transformasi Perkhidmatan Awam. Saya juga menyeru para pemimpin Pegawai Kanan Kastam di setiap lapisan untuk turun padang bertemu ahli-ahli seperti yang ditunjukkan dan dibuktikan oleh barisan kepimpinan tertinggi negara pada hari ini.

- Saya tidak berhajat untuk terus memanjangkan ucapan, dan sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Persatuan dan semua warga Jabatan Kastam. Akhir sekali, dengan lafaz ‘Bismillahir Rahman Nirrahim’ saya dengan ini merasmikan Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan Kali Ke 25 Persatuan Pegawai Kanan Kastam Malaysia .

Sekian. Wabilahi-taufik-wahidayah, wasalamualaikum-arahmatulahiwaraktuh